



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Julai 2024
Muharam 1446H**

Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Pendaratan ikan darat Perak tertinggi di Malaysia• Kandungan biotoksin kupang tidak stabil
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Lepas benih ikan
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/		NEGATIF		NEUTRAL		31	12.7.2024

Pendaratan ikan darat Perak tertinggi di Malaysia

IPOH: Nilai pendaratan ikan darat atau ikan air tawar oleh nelayan darat di Perak adalah tertinggi di Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri

Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, Jabatan Perikanan Malaysia mencatatkan seramai 1,471 nelayan darat di Perak dan mendaratkan sebanyak 2,695.73 tan metrik ikan.

"Pendaratan ini merupakan

nilai pendaratan ikan darat tertinggi di Malaysia. Lampam sungai dan udang galah adalah spesies ikan utama yang didarat oleh nelayan darat di Perak diikuti ikan Baung, Tenggalan dan Loma," katanya di Sidang Dewan

Undangan Negeri semalam.

Beliau menjawab soalan Berhanudin Ahmad (PN-Manong) mengenai nasib nelayan darat kebanyakannya golongan B40 dan ada yang terpaksa melakukan kerja-kerja sampingan untuk

meningkatkan pendapatan.

Mohd. Zolkafly berkata, kerajaan tidak meminggirkan pembangunan sahiah serta keterampilan nelayan darat dengan pelbagai program latihan disediakan kepada kumpulan tersebut.

JENIS AKHIBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		34	12.7.2024

Kandungan biotoksin kupang tidak stabil

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamula.com.my

SEREMBAN: Kadar kandungan biotoksin yang tidak stabil selain penemuan alga berbahaya spesies *Alexandrium* dalam jumlah yang banyak antara faktor larangan pengeluaran dan pengambilan hasil kupang dan kerang-kerangan masih dikuatkuasakan di negeri ini.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, walaupun hasil ujian makmal menunjukkan kadar biotoksin pada kupang sudah berada di bawah had pengambilan selamat untuk manusia namun bacaannya tidak stabil.

"Had pengambilan selamat untuk manusia adalah di bawah 800 per bilion (ppb) namun hasil sampel makmal kebelakangan ini tidak stabil, kadang kala ia menunjukkan bacaan 470 ppb kemudian ada naik kembali menjadi 600 ppb, oleh itu kami ambil keputusan untuk masih membuat larangan tersebut.

"Selain kandungan biotoksin,



um,ms34

Had pengambilan selamat untuk manusia adalah di bawah 800 per bilion (ppb)."

KASIM Tawe

pertimbangan kami juga berdasarkan alga berbahaya spesies *Alexandrium* yang dijumpai dalam jumlah yang banyak. Alga ini wujud semulajadi, jika bilangan kecil ia tidak memberi impak kepada kupang namun jika terlampau banyak ia akan memberikan kesan dengan pengumpulan biotoksin pada sel kupang.

"Kami masih menunggu tiga keputusan ujian makmal sebelum kami memberikan kebenaran semula kepada pengeluaran hasil kupang dan kerang-kerangan di Port Dick-

son mungkin dalam beberapa minggu lagi, saya boleh maklumkan ia kini ke arah positif," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Pada 4 April lalu, Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan kupang di Port Dickson dicemari oleh biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan selepas analisis mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia*.

Analisis tersebut dibuat selepas terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Pada 21 Mei lalu, hasil ujian makmal menunjukkan kandungan biotoksin pada kupang di Port Dickson mencatatkan bacaan 498 ppb.

Kasim berkata, setakat ini sebanyak 15 sampel kupang diambil bermula 2 April lalu dan bacaan terkini menunjukkan kadar biotoksin sudah di bawah 200 ppb.

JENIS KEHAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		24	12.7.2024



LEPAS BENIH IKAN... Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim (tiga dari kiri) melepaskan benih anak-anak ikan spesies lampam di Sungai Kampung Jongkok Batu, Hulu Dungun, Terengganu pada Rabu. Tujuan program pelepasan benih ikan ke perairan umum itu dilakukan bagi meningkatkan pendapatan nelayan darat selain menjamin bekalan makanan selaras Dasar Sekuriti Makanan.

SH ms 24